



NAJIB TUN RAZAK dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Rohani Abdul Karim (tengah) bersama tetamu yang menghadiri sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan dan Dialog TN50 di Kuala Lumpur, semalam. – BERNAMA

Najib bersama 7,000 rai Hari Hasanah

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa bersama lebih 7,000 penduduk dan pengunjung di pekarangan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak di sini sempena Hari Hasanah.

Program anjuran Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) itu mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan bertujuan menggalakkan perpaduan dan patriotisme dalam kalangan rakyat.

Dalam program tersebut, Perdana Menteri turut merasmikan dua gelanggang futsal, Cryuff Court Seri Semarak dan Air Panas yang disumbangkan oleh Yayasan Hasanah di bawah Khazanah dan

Yayasan Johan Cruyff demi memberi kemudahan kepada para belia menjalani aktiviti kesukanan.

Dua gelanggang futsal itu merupakan yang ketiga dan keempat dibina yang sebelumnya di Kampung Melayu Majidee, Johor Bharu pada 2012 dan di Brickfields di sini pada 2013.

Program Hari Hasanah yang julung-julung kali diadakan diterajui bersama rakan-rakan kongsi Khazanah khususnya beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi meraikan perjalanan serta pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara selaras dengan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Sebanyak 100 inisiatif amal kebajikan digerakkan di 12 ne-

geri di seluruh negara oleh pelbagai individu dan pertubuhan demi menyumbang masa dan tenaga bagi manfaat pelbagai lapisan masyarakat seperti gotong royong, membaiki kemudahan rumah anak yatim, rumah orang tua dan sebagainya.

Selain program di Projek Taman Tugu, PPR Seri Semarak mengadakan program seperti khidmat nasihat peguam, kaunseling keluarga, pemeriksaan kesihatan dan ceramah kerjaya sempena Hari Hasanah.

Turut diadakan ialah bengkel seni kanak-kanak, kraftangan, demo masakan dan pelbagai lagi program melibatkan penyertaan pelbagai kaum.